

Standard Operating Procedure – PENGURUSAN TRANSFUSI KLINIKAL

PROSEDUR UNTUK PENGAMBILAN SAMPEL DARAH

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1	Kenalpasti identiti pesakit secara ` POSITIVE PATIENT IDENTIFICATION ` iaitu : <ul style="list-style-type: none">• Meminta pesakit menyatakan nama penuh dan no Kad pengenalan• Elakkan daripada memberi jawapan kepada pesakit (contoh : Encik, adakah nama Encik,Liew XXX?)	MO/ HO
2	Gunakan sekurang-kurangnya 2 identiti , iaitu nama dan no KP . No pendaftaran hospital boleh digunakan sebagai tambahan kepada 2 identiti yang telah dinyatakan , tetapi bukan sebagai ganti	MO/ HO
3	Bandingkan jawapan identiti yang diberikan dengan gelang nama pesakit dan juga borang pendaftaran hospital (<i>ADMISSION FORM</i>)	MO/ HO
4	Sekiranya pesakit adalah pesakit pediatrik dan pesakit yang tidak sedarkan diri , kakitangan yang bertanggungjawab untuk mengambil darah perlulah mengesahkan identiti pesakit dengan bertanya kepada waris/ penjaga , dan bandingkan jawapan dengan maklumat yang ada di borang pendaftaran hospital dan gelang nama pesakit	MO/ HO
5	Setelah identiti pesakit disahkan betul , proses pengambilan sampel darah boleh dimulakan.	MO/ HO
6	Prosedur pengambilan darah perlu dijalankan oleh SEORANG sahaja dari mula hingga selesai (tidak boleh bergotong royong).	MO/ HO
7	Semua langkah-langkah dalam prosedur ini perlu dijalankan di tepi katil (<i>bedside</i>).	MO/ HO
8	Hanya satu pesakit yang boleh diambil sampel darahnya pada satu masa, sehingga semuanya selesai.	MO/ HO
9	Kakitangan yang bertanggungjawab untuk pengambilan	MO/ HO

	sampel darah hendaklah melabel sampel darah di tepi katil pesakit seurus setelah selesai proses venupunktur.	
10	Tiub untuk sampel darah tidak boleh dilabel terlebih dahulu	MO/ HO
11	Maklumat pada label adalah terdiri daripada : 5.11.1 Nama penuh 5.11.2 No kad pengenalan 5.11.3 no pendaftaran hospital 5.11.4 ujian dipohon 5.11.5 tarikh 5.11.6 tandatangan pendek (<i>initial</i>) kakitangan yang melakukan venapunktur.	MO/ HO
12	Sampel darah yang diperlukan adalah seperti berikut : 5.12.1 pesakit berusia lebih daripada 4 bulan - sampel darah 3.0mls dalam tiub EDTA 5.12.2 Pesakit berusia kurang 4 bulan - 1.5mls sampel bayi dalam tiub EDTA - 3.0mls sampel ibu kandung bayi dalam tiub EDTA - sampel bayi dan ibu hendaklah dihantar sebagai 1 ujian permohonan (bukan berasingan).	MO/ HO
14	Sekiranya pesakit memerlukan transfusi darah berulang, borang permohonan dan sampel darah yang baru perlu dihantar untuk tujuan ujian keserasian darah (GXM).	MO/ HO
15	Bagi permohonan transfusi komponen darah (selain darah merah), borang permohonan GXM (borang PER-SS-BT 105 (Pind. 1/2016)) perlu dihantar bersama-sama sampel darah di dalam tiub EDTA bagi tujuan pengenalpasitan kumpulan darah. Sekiranya pesakit pernah dihantar sampel darah sebelum itu untuk tujuan GSH/ GXM dan jenis kumpulan darah telah diketahui, maka tidak perlu menghantar sampel darah sebaliknya hanya borang permohonan sahaja yang diperlukan.	MO/ HO

PROSEDUR PENGISIAN BORANG PERMOHONAN TRANSFUSI

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1	Pegawai yang bertanggungjawab untuk mengisi borang mestilah orang yang sama mengambil sampel darah.	MO/ HO
2	Borang yang perlu diisi adalah borang PER-SS-BT 105 (Pind. 1/2016) - juga dikenali sebagai borang GXM /GSH	MO/ HO
3	Borang perlulah dipastikan lengkap sebelum dihantar ke makmal bersama-sama sampel darah.	MO/ HO
4	Tandakan di bahagian produk darah yang diminta , beserta bilangan unit yang dikehendaki.	MO/ HO
5	Pastikan pegawai yang terbabit menandatangani dan mengecop nama di ruangan yang disediakan.	MO/ HO
6	Borang / sampel darah yang tidak memenuhi kriteria berhak ditolak oleh pihak makmal transfusi (<i>rujuk kriteria penolakan permohonan di dalam Polisi Tabung Darah 2019</i>)	JTMP

PROSEDUR PERMOHONAN TRANSFUSI DARAH

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1	Doktor pakar /MO yang menjaga pesakit membuat keputusan supaya pesakit menerima transfusi darah atas justifikasi yang kukuh, dan didokumentasikan di dalam rekod rawatan (BHT) pesakit	Pakar/ MO/ HO
2	Kebenaran bertulis daripada pesakit /waris perlulah diperolehi. Pesakit/ waris perlu diterangkan dengan jelas tentang kebaikan transfusi darah dan juga risiko. Gunakan borang Persetujuan Pemindahan Darah Atau Komponen Darah - BTS / TC/ 2/2016	Pakar/ MO /HO
3	Pastikan pesakit mempunyai sampel GSH di makmal transfusi/ ambil sampel GXM	MO/ HO
4	Bentangkan kes pesakit dan dapatkan kod untuk transfusi darah/ produk darah daripada MO unit transfusi yang bertugas melalui panggilan telefon. Catatkan kod yang diperolehi pada borang permohonan GXM / buat panggilan ke makmal transfusi dengan kadar segera untuk menukar GSH kepada GXM.	MO/ HO
5	Borang permohonan GXM dihantar ke makmal transfusi dan diterima oleh JTMP bertugas di kaunter	MO/HO JTMP
6	Masa borang GXM diterima / masa panggilan untuk penukaran GSH kepada GXM diterima perlulah dicatatkan dengan jelas pada borang PER-SS-BT 105.(Pind. 1/2016) @ borang GSH/GXM	JTMP
7	Ujian keserasian darah (GXM) dijalankan	JTMP
8	Darah yang telah selesai menjalani ujian keserasian,akan dimaklumkan kepada pihak wad / pihak wad menelefon ke talian 8464 untuk mengetahui samaada darah yang telah dipohon telah tersedia atau sebaliknya.	JT JTMP
9	Darah di isu kepada pihak wad	JTMP

PROSEDUR PENGAMBILAN DARAH DARI MAKMAL TRANSFUSI

Bil	Perkara	Tindakan
1	Darah yang telah siap menjalani ujian keserasian diambil dari makmal (Rujuk Polisi Unit Transfusi: 12. Panduan Pengendalian Darah). Borang kemasukan hospital pesakit perlu dibawa bersama. Bawa bersama Borang Senarai Semak Pemindahan Darah & Komponen Darah HTI (BPHTI-BK(04)/ T.Darah.PIND.00(borang checklist)	HO/JT/PPP
2	Darah / produk darah perlu disemak identiti dan keserasian (compatibility) dengan membandingkan perkara-perkara berikut (bandingkan beg darah dengan label) : <ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh • No kad pengenalan/ no passport • RN • Kumpulan darah ABO dan Rhesus • Barkod beg darah • Tarikh luput beg darah • jenis produk darah • `screened`label <p>Keadaan fizikal beg darah juga perlu diperiksa dari segi integriti, perubahan warna, darah beku dan sebagainya. Maklumkan kepada JTMP bertugas sekiranya terdapat sebarang masalah.</p>	HO/JT/PPP
3	Pengesahan identiti pesakit perlu dilakukan bersama antara JTMP bertugas dengan staf wad	HO/JT/PPP JTMP
4	Pengambilan darah perlu direkodkan dengan lengkap dalam buku rekod pengambilan darah yang terdapat di kaunter unit transfusi	HO/JT/PPP
5.	Tandatangan pada ruangan PENGAMBILAN DARAH pada borang senarai semak BPHTI-BK(04)/ T.Darah.PIND.00(borang checklist)	HO/JT/PPP

PANDUAN PROSES TRANSFUSI DARAH KE ATAS PESAKIT

Bil	Perkara	Tindakan
1	Pastikan kebenaran bertulis pesakit perlu ada dan lengkap menggunakan borang Persetujuan Pindahan Darah Atau Komponen Darah - BTS / TC/ 2/2016 sebelum darah/ produk darah diambil daripada makmal transfusi	MO/HO
2	Setelah darah tiba di wad dan sebelum proses transfusi dimulakan ; <ul style="list-style-type: none"> • Kenalpasti identiti pesakit adalah betul- gunakan 2 identiti iaitu nama dan no kad pengenalan. • Bandingkan data pesakit pada beg darah, gelang tangan pesakit, borang GXM dan borang pendaftaran hospital. Pastikan semua maklumat adalah tepat. Sebarang perbezaan perlu dimaklumkan segera kepada kakitangan unit Transfusi yang bertugas • Periksa sekali lagi darah yang terima untuk memastikan ianya berada dalam keadaan baik (tiada kebocoran, perubahan warna , belum mencapai tarikh luput) • Prosedur diatas perlu dilakukan oleh 2 orang personel kesihatan yang berbeza contohnya diantara 2 orang pegawai perubatan, atau pegawai perubatan dengan jururawat. 	MO/ HO/JT/PPP
3	Rujuk senarai semak prosedur transfusi darah (menggunakan borang senarai semak transfusi / transfusion checklist – borang BPHTI-BK (04) T.DARAH / PIN.00) untuk memastikan segala langkah telah dijalankan sebelum memulakan transfusi darah. Tandatangan pada ruangan PENGESAHAN DARAH/ KOMPONEN DARAH yang terdapat pada borang senarai semak(borang checklist)	MO/ HO/JT/PPP
4	Transfusi dimulakan oleh pegawai yang berkelayakan (rujuk nota di bawah) Catatkan masa transfusi dimulakan. Turunkan tandatangan	

	pada ruangan yang disediakan pada borang senarai semak (borang checklist) sebagai kakitangan yang memasukkan darah).	
5	<p>Semasa transfusi darah sedang berjalan, pesakit perlu dipantau rapi sepanjang proses transfusi</p> <p>Parameter yang perlu dipantau ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tekanan darah • Kiraan nadi per minit • Suhu badan • Kadar pernafasan per minit <p>Kiraan vital perlu dipantau dan direkodkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebelum transfusi dimulakan • 10-15 minit pertama • Selepas 30 minit pertama • Selepas satu jam, dan pada setiap satu jam berikutnya. • Selepas selesai transfusi <p>Pemantauan dicatatkan dalam borang pemantauan Transfusi Darah dan Komponen Darah – BPHTI (05) / T.DARAH / PIN.00</p>	
6	Selain daripada parameter yang dinyatakan diatas, pesakit juga perlu dipantau daripada sebarang reaksi transfusi akut.	MO/ HO/JT/PPP
5	<p>Selepas selesai transfusi darah, Pesakit perlu dipantau sekiranya terdapat sebarang reaksi transfusi akut / lewat (selepas 24jam)</p> <p>Kakitangan yang menamatkan transfusi darah perlu menurunkan tandatangan pada borang senarai semak (borang checklist) dan catatkan masa tamat.</p>	MO/ HO/JT/PPP
6	Rekod transfusi pesakit perlu disimpan didalam BHT	MO/ HO/JT/PPP

KAKITANGAN YANG DIBENARKAN UNTUK
MEMULAKAN PROSES TRANSFUSI DARAH

GENERAL WARD :

PEGAWAI PERUBATAN (HO/MO / PAKAR)

**WAD KHAS (ICU/CCU, NICU, DEWAN BERSALIN, DEWAN BEDAH,
JABATAN KECEMASAN) :**

JURURAWAT/ PPP/ PEGAWAI PERUBATAN (HO/MO / PAKAR)

Secara amnya, bagi memulakan proses transfusi darah, ianya perlu dilakukan oleh Pegawai Perubatan (sekurang-kurangnya Pegawai Perubatan Siswazah) **TETAPI** bagi wad-wad khas (General OT, ICU, CCU, Dewan Bersalin, Jabatan Kecemasan dan NICU) , adalah dibenarkan bagi Jururawat Terlatih / Penolong Pegawai Perubatan untuk memulakan transfusi darah.

Polisi ini adalah berdasarkan **Polisi Perkhidmatan Transfusi Darah HTI** , mungkin berbeza di hospital lain.

Nota :

* Borang permohonan GXM / GSH = **borang PER-SS-BT 105 (Pind. 1/2016)**

* Borang kebenaran transfusi darah/ komponen darah (borang consent) = **borang Persetujuan Pemindahan Darah Atau Komponen Darah - BTS / TC/ 2/2016**

* Borang senarai semak transfusi / *transfusion checklist* = **borang BPHTI-BK (04) T.DARAH / PIN.00)**

*Borang pemantauan Transfusi Darah dan Komponen Darah = **BPHTI-BK (05) / T.DARAH / PIN.00**